



KK/BA 546/486 Jld. 5 (3)

15 Januari 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN I

YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

BANK PEMBANGUNAN ISLAM: MERIT SCHOLARSHIP PROGRAMME FOR THE ACADEMIC YEAR 2018 – 2019

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bank Pembangunan Islam (IDB) menawarkan biasiswa di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D.) dan Penyelidikan Pasca-Kedoktoran (*post-doctoral research*) secara sepenuh masa dalam bidang berkaitan. Tawaran biasiswa ini terbuka kepada warganegara Malaysia dan pembiayaan adalah meliputi bayaran yuran pengajian, kos sara hidup bagi pemohon sahaja (*single-status basis*), insurans kesihatan dan tiket kapal terbang pergi-balik.

3. Tawaran biasiswa selama 3 tahun sepenuh masa di peringkat Ph.D. adalah dikhususkan dalam bidang-bidang berikut:

- i. Pertanian Lestari (*Sustainable Agriculture*);
- ii. Pendidikan (*Education*);
- iii. Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (*Education for Sustainable Development*);
- iv. Perubahan Iklim (*Climate Change*);
- v. Tenaga (*Energy*);
- vi. Bandar Mampan (*Sustainable Cities*);
- vii. Pertumbuhan Bertanggungjawab (*Responsible Growth*);
- viii. Pengurusan Sisa (*Waste Management*);
- ix. Perkembangan populasi (*Population Growth*);
- x. Kimia Hijau (*Green Chemistry*);
- xi. Biodiversiti (*Biodiversity*);
- xii. Pencemaran Plastik dan Mikroplastik (*Plastic Pollution and Microplastics*);
- xiii. Air dan Kebersihan (*Water and Hygiene*);
- xiv. Kesihatan (*Health*);
- xv. ICT untuk Pembangunan (*ICT for Development*);
- xvi. Inovasi dan Pembangunan Infrastruktur (*Innovation and Infrastructure Development*);
- xvii. Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Islam (*Islamic Economics, Finance and Banking*); dan
- xviii. Sains Sosial Berkaitan Pembangunan (*Development-Related Social Sciences*).

18 JAN 2018

4. Biasiswa ini ditawarkan bagi sesi pengajian di institusi terkemuka di negara maju atau negara ahli IDB. Namun begitu, keutamaan akan diberikan kepada calon Ph.D. yang telah mendapat tawaran pengajian di universiti yang mempunyai kerjasama dengan IDB seperti:

- i. University of Cambridge, United Kingdom;
- ii. University of Birmingham, United Kingdom;
- iii. Queen Mary University of London, United Kingdom;
- iv. Imperial College London, United Kingdom;
- v. University College London, United Kingdom;
- vi. Copenhagen University, Denmark;
- vii. Princeton University, USA,
- viii. KAUST, Saudi Arabia; dan
- ix. McGill University, Canada.

5. Permohonan biasiswa ini dibuka sehingga **9 Februari 2018** dan borang permohonan yang telah dilengkapkan sepenuhnya perlu dikemukakan kepada:

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Antarabangsa
Aras 8, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
62592 Putrajaya.
(u.p.: Unit Kerjasama Pelbagai Hala 2)**

Bersama ini dilampirkan syarat-syarat permohonan biasiswa (**Lampiran II**) untuk rujukan. Borang permohonan biasiswa dan maklumat lanjut mengenai biasiswa ini boleh didapati di laman sesawang IDB (www.isdb.org).

6. Sehubungan itu, sukacita dimohon pihak YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan untuk memaklumkan dan memanjangkan tawaran biasiswa ini kepada calon yang layak dan berminat dengan tawaran daripada IDB ini. Perhatian dan tindakan lanjut YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(AZAH HANIM AHMAD)

Bahagian Antarabangsa
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Unit Kerjasama Pelbagai Hala 2
Kementerian Kewangan
Bahagian Antarabangsa
Aras 8, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
62592 Putrajaya